Veteran

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA | BIL 1 EDISI 2019 | WWW.JHEV.GOV.MY | PERCUMA

KEPADA VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA [ATM] BERPENCEN DAN TIDAK BERPENCEN DALAM KATEGORI ISI RUMAH BERPENDAPATAN 40 PERATUS TERENDAH [B40]

100,762 ORANG VETERAN ATM BERPENCEN

58,606 ORANG VETERAN ATM TIDAK BERPENCEN

159,368 ORANG VETERAN ATM

PERUNTUKAN **RM79,684 JUTA**

RM500 SECARA ONE-OFF

INISIATIF BANTUAN HARAPAN NEGARA

BHN 2019

KRITERIA PENERIMA BHN 2019 DITETAPKAN SEPERTI BERIKUT:

TIDAK DIPANJANGKAN KEPADA BALU/ DUDA/ TANGGUNGAN/ WARIS

VETERAN YANG LAYAK MENERIMA **BANTUAN SARA HIDUP 2019 PERSEKUTUAN**

BERMASTAUTIN DI MALAYSIA

TARIKH TAMAT TEMPOH PERKHIDMATAN **[TTP] SEBELUM 31 DISEMBER 2019**

VETERAN ATM

PERLU MEMOHON UNTUK MENDAPATKAN BHN 2019 BAGI VETERAN ATM TIDAK BERPENCEN YANG BELUM PERNAH MEMOHON BANTUAN SVTBIM DAN BBN 2017

VETERAN DENGAN JUMLAH PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR **BULANAN RM 4,000 DAN KE BAWAH [B40]**

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN BHN 2019 AKAN DIBUKA PADA 14 APRIL TAHUN INI DAN PEMBAYARAN AKAN MULA DILAKSANAKAN PADA 27 MEI 2019

2019

Menarik DALAM



16
JHEV MELAKA, NEGERI SEMBILAN



8
TEMUBUAL KETUA PENGARAH JHEV ATM



PENYERAHAN PERALATAN PESAKIT **7**



23
PUSAT DIALISIS



LAWATAN TIMBALAN MENHAN **5**

MESYUARAT MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN	3
BICARA INSPIRASI VETERAN ATM	4
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA	6
PROGRAM DIALOG BERSAMA KP JHEV	8
LAWATAN KE RTM & ASTRO AWANI	9
MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA MENHAN	11
SAMBUTAN RAYA	12-13
JHEV KEDAH, PERLIS DAN PULAU PINANG	14
JHEV SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN	15
JHEV MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN	16
JHEV PERAK	17
JHEV PAHANG	18
JHEV KELANTAN DAN TERENGGANU	19
JHEV JOHOR	20
JHEV SABAH	21
JHEV SARAWAK	22

Sekapur Sirih Ketua Pengarah Jhev ATM Bagi Penerbitan Buletin Veteran ATM Bil. 1/2019

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.

Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita bertemu lagi pada penerbitan Buletin Veteran ATM Bil.1/2019 ini.

Kerajaan telah bersetuju dan meluluskan pelaksanaan inisiatif Bantuan Harapan Negara (BHN) 2019 selaras pengumuman Bajet 2019. Inisiatif BHN 2019 adalah merupakan inisiatif baharu bagi menggantikan Bantuan Bakti Negara (BBN) 2017 dan Sumbangan Veteran Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M) 2013. Inisiatif BHN 2019 merupakan penghargaan berterusan daripada Kerajaan kepada Veteran ATM di atas kesetiaan dan pengorbanan mereka kepada negara. Ianya adalah usaha berterusan Kerajaan untuk menjaga kebajikan semua golongan Veteran ATM. Semoga dengan pemberian BHN 2019 ini dapat membantu Veteran ATM dalam menghadapi cabaran kenaikan kos sara hidup masakini.

Di dalam menentukan manifestasi kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan tercapai, saya akan memfokuskan empat teras utama iaitu; Pendekatan Media, Pendekatan Fizikal, Kerjasama Antara Agensi dan Pemerkasaan JHEV.

Berasaskan keempat-empat teras utama di atas, saya yakin JHEV ATM akan mampu mengorak langkah menjadi sebuah organisasi yang mantap dan cemerlang dengan kerjasama erat dari semua lapisan kakitangan.

Akhir kata, marilah kita sama-sama menggembleng tenaga, usaha dan buah fikiran di dalam memastikan JHEV ATM berada di landasan yang sewajarnya di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan bukan sahaja kepada warga veteran, malah mampu memberi sumbangan dan impak positif kepada agama, bangsa dan negara.

MEJ JEN DATO' DZULKARNAIN BIN AHMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
Kementerian Pertahananan.



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
Mej Jen Dato' Dzulkarnaian Bin Ahmad

PENASIHAT
Muhammad Ridzuan Bin Zawawi

KETUA EDITOR
Mej Ardi Bin Mat Zain

PEN. KETUA EDITOR
Maria Binti Che Mat Nawi

EDITORIAL
UKK JHEV ATM
PENGARAH NEGERI

JURUFOTO DAN EDARAN
UKK JHEV AT









MESYUARAT

MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN (MVK) SIRI 2/2019

KUALA LUMPUR, 28 FEB 19

Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) Ke-2 yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Wisma Pertahanan.

Berlanjutan dari Mesyuarat MVK pertama yang diadakan pada 24 Dis 2018 yang lalu, Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Kerja MVK telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dan merancang empat kertas kerja yang mengandungi inisiatif-inisiatif bagi tujuan membantu serta menjaga kebajikan veteran ATM sebagai fokus utama.

MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM)

KEPADA VETERAN ATM







PERINGKAT NEGERI PAHANG

KUANTAN, 4 MEI 2019

Seramai 310 orang veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) termasuk tiga daripadanya diwakili balu dan tiga lagi merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU) dianugerahkan Pingat Jasa Malaysia (PJM).

Kesemua mereka menerima anugerah ini daripada Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu dalam satu majlis yang diadakan di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Tanjung Gelang.

Penganugerahan ini sebagai mengenang jasa mereka dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara sepanjang perkhidmatan tempoh darurat.











BICARA INSPIRASI
VETERAN ATM

SABAH, 17 JAN 2018

Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong hadir ke Majlis Bicara Veteran ATM Negeri Sabah bersama seramai 130 orang Veteran ATM daripada pelbagai persatuan dan kelab. Program Bicara ini memberi peluang kepada veteran ATM untuk menyuarakan pandangan dan mengajukan pertanyaan kepada Timbalan Menteri Pertahanan secara terus.

Turut hadir Leftenan Jeneral Datuk Wira Zamrose Mohd Zain, Panglima Medan Timur, Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato' Dzulkarnain bin Ahmad serta pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertahanan.











LAWATAN
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

KUALA LUMPUR, 3 JAN 2019

Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong telah mengadakan lawatan kerja di Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM pada hari ini.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi memahami peranan JHEV ATM yang menjaga kebajikan veteran ATM, selain mengumpul maklum balas tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh JHEV, serta mendengar cadangan-cadangan penambahbaikkan terhadap perkhidmatan.













MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM) KEPADA VETERAN ATM

PERINGKAT NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR,16 FEB 2019

Panglima Angkatan Tentera, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada warga veteran ATM peringkat Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM.











PERINGKAT NEGERI PERAK

TAIPING, 13 JUN 2019

Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong menyempurnakan Majlis Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) Peringkat Negeri Perak bertempat di Hotel Taiping Perdana. Majlis ini merupakan kali keempat dalam siri penganjurannya bagi tahun 2019.












PENYERAHAN PERALATAN PESAKIT



29 JANUARI 2019

Mej Jen Dato' Dzulkarnain bin Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM), telah menyempurnakan penyerahan Bantuan Peralatan Pesakit dan program ziarah veteran ATM sekitar daerah Mersing, Johor. Selepas menyempurnakan penyerahan Bantuan Peralatan Pesakit, telah diadakan Sesi Bicara Ketua Pengarah JHEV ATM bersama wakil-wakil daripada persatuan veteran ATM sekitar negeri Johor dan juga Majlis Serah Terima Tugas Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Johor yang baharu.

















TEMUBUAL
KETUA PENGARAH JHEV ATM



KUALA LUMPUR, 23 APRIL 2019

Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato' Dzulkarnain bin Ahmad dan Pegawai serta Staf dari Ibu Pejabat JHEV ATM telah mengadakan lawatan ke Astro Awani di Bukit Kewangan. Kedatangan JHEV telah disambut oleh Encik Shamir Hameed selaku *Assistant Vice and President Marketing and Business Development.*







LAWATAN
KE RTM & ASTRO AWANI







ANGKASAPURI, 25 JAN 19

Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato' Dzulkarnain bin Ahmad dan pegawai telah melakukan lawatan ke Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM). Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan mewujudkan kerjasama yang baik antara pihak RTM dengan JHEV ATM.







PROGRAM DIALOG BERSAMA KP JHEV

SARAWAK, 29 APRIL 2019

Program dialog di antara Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato Dzulkarnain bin Ahmad bersama Veteran ATM Negeri Sarawak yang melibatkan beberapa persatuan dan kelab. Turut hadir,Lt Jen (B) Datuk Stephen Mundaw, pegawai khas pejabat Ketua Menteri Sarawak. Turut juga diadakan Majlis Serah Terima Tugas Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sarawak, Lt Kol Dunging Ak Serit dan Mej Pahot Ak Joll di Kompleks Auditorium Belia dan Sukan.
























MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA MENTERI PERTAHANAN DI SUNGAI PETANI



SUNGAI PETANI, 23 MEI 2019

Menteri Pertahanan, YB Mohamad bin Sabu hadir ke Majlis Perjumpaan bersama Warga Veteran ATM Zon Utara bertempat di Padang Kawad Batalion 2 Ubat, Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani, Kedah . Majlis perjumpaan ini bertujuan untuk meraikan dan menghargai jasa baik dan khidmat bakti para veteran ATM kepada negara. Selain itu, YB Menteri Pertahanan juga telah menyempurnakan penyampaian cek bantuan sebanyak RM39,500.00 kepada lapan persatuan veteran ATM bagi Zon Utara.










Dalam majlis tersebut juga, YB Menteri Pertahanan turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM200.00 kepada 31 orang anak-anak yatim yang daripada Pertubuhan Pembangunan Anak- Anak Yatim Bekas Perajurit Malaysia.





SAMBUTAN *Raya JHEV* ATM

KUALA LUMPUR, 2 JULAI 2019

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato' Dzulkarnain Bin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM, Encik Muhammad Ridzuan Bin Zawawi, Pengarah-pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri dan tetamu jemputan serta warga JHEV ATM.





















SAMBUTAN *Raya* KEMENTERIAN PERTAHANAN

KUALA LUMPUR, 25 JUN 2019

Menteri Pertahanan, YB Mohamad bin Sabu hadir memeriahkan Majlis Sambutan Aidilfitri peringkat Kementerian Pertahanan yang telah diadakan di Dewan Seroja, Kem Kementah.Selain bersilaturrahim dengan warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia, Menteri Pertahanan turut menyampaikan sumbangan bantuan kebajikan JHEV kepada veteran ATM, balu dan anak-anak veteran ATM pada majlis tersebut. Sementara itu, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Kementerian Pertahanan turut menyampaikan sumbangan kepada lapan orang ibu tunggal yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Pertahanan yang disampaikan oleh isteri Menteri Pertahanan, Puan Hajah Normah Alwi. Turut hadir ke majlis ini ialah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali serta isteri Datin Seri Norizam binti Che Mohd Nor, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Bin Hj Zainal Abidin dan isteri serta Panglima-panglima Perkhidmatan, Pengurusan Tertinggi dan kakitangan Kementerian Pertahanan.







PENYAMPAIAN BANTUAN KEBAJIKAN JHEV ATM

SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

KUALA LUMPUR, 25 JUN 2019

Menteri Pertahanan telah menyampaikan sumbangan bantuan kebajikan daripada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) iaitu Bantuan Peralatan Pesakit, Bantuan Sara Hidup dan Bantuan Kemasukan ke Universiti Awam kepada veteran ATM, balu dan anak-anak veteran ATM sempena Majlis Sambutan Aidilfitri peringkat Kementerian Pertahanan yang telah diadakan di Dewan Seroja, Kem Kementah. Antara peralatan pesakit yang diberikan adalah seperti kerusi roda, commode chair dan tilam pesakit. Turut hadir ialah Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato' Dzulkarnain Bin Ahmad dan Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Selangor dan Kuala Lumpur serta pegawai daripada Kementerian Pertahanan.







JHEV
KEDAH, PERLIS DAN PULAU PINANG

LAWATAN KEBAJIKAN VETERAN DI KEDAH

KEDAH, 14 FEBRUARI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang mengadakan lawatan dan siasatan serta penyerahan Peralatan Pesakit kepada beberapa orang veteran ATM .








PENYERAHAN PERALATAN PESAKIT

SUNGAI PETANI, 20 JUN 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Mej Mohd Rozali bin Abdul Rahman TUDM telah melakukan lawatan kebajikan dan penyerahan peralatan pesakit ke atas beberapa orang veteran.



LATIHAN OLEH KELAB VETERAN KOMANDO MALAYSIA

MERBOK, 20 JULAI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang (JHEV KPP) telah menghadiri jemputan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus "Upskilling" Pegawai Penguatkuasa (KP29) Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia(MAQIS) di Damai Park Resort, Kedah.





BANTUAN SARA HIDUP

PULAU PINANG, 21 FEBRUARI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Mej Mohd Rozali bin Abdul Rahman TUDM melakukan lawatan Siasatan Sara Hidup di sekitar Pulau Pinang pada 19 hingga 21 Feb 2019.




JHEV
SELANGOR & WILAYAH PERSEKUTUAN

LAWATAN KEBAJIKAN VETERAN

TANJUNG KARANG, 1 JULAI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Selangor & W.P Kuala Lumpur, Kdr Isa Bin Ahmad TLDM melakukan lawatan kebajikan terhadap beberapa orang veteran dan isteri veteran. Lawatan dilakukan bertujuan untuk mengetahui permasalahan veteran dan isteri veteran serta memberikan bantuan yang sewajarnya kepada mereka.









PENYERAHAN PERALATAN PESAKIT

WANGSA MAJU, 14 MEI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kdr Isa bin Ahmad TLDM melakukan Penyerahan peralatan pesakit kepada veteran.

LAWATAN VETERAN DAN BALU

SETIAWANGSA, 18 JULAI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Selangor & W.P Kuala Lumpur, Kdr Isa bin Ahmad TLDM melakukan lawatan kebajikan terhadap veteran dan balu veteran yang mengalami masalah kesihatan. Turut serta di dalam lawatan tersebut adalan Timbalan Ketua Cawangan PVATM Setiawangsa iaitu veteran hj Yahaya bin Man dan isteri.





PENYERAHAN PERALATAN PESAKIT

SELANGOR, 23 JULAI 2019

Penyerahan peralatan pesakit dan lawatan kebajikan oleh Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Selangor & W.P Kuala Lumpur, Kdr Isa Bin Ahmad TLDM ke atas Veteran ATM di sekitar Selangor.









JHEV
MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN

LAWATAN KEBAJIKAN VETERAN

NEGERI SEMBILAN, 8 MEI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Melaka/Negeri Sembilan, Mej Norasbi bin Said melakukan Lawatan Kebajikan di sekitar Negeri Sembilan dan Melaka.





PENYERAHAN PERALATAN PESAKIT

JASIN, 21 MAC 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Melaka dan Negeri Sembilan, Mej Norasbi bin Said membuat lawatan kebajikan dan penyerahan katil pesakit kepada Veteran ATM 807702 Encik Mohd Hata bin Abu di kediamannya di Jasin Height, Melaka.




LAWATAN KEBAJIKAN VETERAN

MELAKA, 10 APRIL 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Melaka dan Negeri Sembilan, Mej Norasbi bin Said membuat lawatan kebajikan kepada Veteran ATM 928133 Staf Sarjan (B) Muit bin Ahmad yang juga penerima pingat Panglima Gagah Berani (PGB) yang kini sedang terlantar sakit di Wad 3, Hospital Besar Melaka. Beliau yang pernah berkhidmat dalam pasukan yang dahulunya dikenali sebagai Rejimen Gerak Khas Malaysia (RGKM) telah membuktikan semangat keperwiraanya setelah berjaya membunuh dua pengganas komunis semasa Op Murai di Bentong, Pahang pada tahun 1976 yang membawa kepada penganugerahan pingat PGB kepada beliau.





BANTUAN BENCANA ALAM

KUALA PILAH, 28 MAC 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Melaka dan Negeri Sembilan, Mej Norasbi bin Said menziarahi Puan Asnah binti Ismail iaitu balu kepada Veteran ATM 78296 Allahyarham Ibrahim bin Lebai Sulaiman di mana kediamannya telah musnah akibat kebakaran di Kg Juasseh Tengah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Penyerahan sumbangan RM 1000 telah didahulukan melalui Yayasan Veteran ATM bagi membantu meringankan beban dan kesedihan yang ditanggung oleh beliau memandangkan anak beliau yang juga OKU terkorban dalam kejadian tersebut.





JHEV PERAK

MESYUARAT VETERAN

TAIPING, 30 MAC 2019



Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Perak, Mej Hassanuddin bin Othman telah hadir ke Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Kali ke 4 Tahun 2019 Persatuan Bekas Tentera Batalion ke 20 RAMD buat kali ke 4 bertempat di Hotel Taiping Perdana, Perak. Mesyuarat ini telah dirasmikan Oleh Ybhg Dato'Seri Zakaria Zain, Selaku Penaung Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia Tidak Berpencen Cawangan Negeri Perak.





Seramai lebih kurang 150 veteran dari setiap Negeri daripada Persatuan Bekas Tentera Batalion ke 20 RAMD bersama Serikandi 2 hadir dalam Mesyuarat Agong ini.

BANTUAN SARA HIDUP

PERAK, 22 JULAI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Perak, Mej Hassanuddin bin Othman melakukan lawatan kebajikan dan siasatan Bantuan Sara Hidup terhadap veteran dan balu.









PERALATAN PESAKIT

LENGGONG, 25 JUN 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Perak, Mej Hassanuddin bin Othman melakukan lawatan kebajikan dan penyerahan peralatan elektrik berupa Kerusi Roda Elektrik kepada Isteri veteran 6042223 Shamsul Azhari bin Yusof iaitu Puan Sharifah Radziah Bt Mat Piah yang berumur 56 tahun. Beliau mengidap penyakit genetik urat saraf dan tulang mengecil serta bengkok (kaki dan tangan mengecil) dan tidak boleh berjalan semenjak berumur 2 tahun.



Semoga dengan penyerahan kerusi roda elektrik ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh veteran sekeluarga.

MESYUARAT AGUNG

TAIPING, 7 APRIL 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Perak, Mej Hassanuddin bin Othman Pengarah telah hadir dan seterusnya Merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Bekas Tentera Taman Perpaduan Kamunting buat kali ke 8 bertempat di Perumahan Taman Mewah Taiping, Perak. Seramai lebih kurang 100 orang veteran bersama serikandi serta balu hadir dalam Mesyuarat Agung tersebut.









JHEV PAHANG

MESYUARAT PERSATUAN VETERAN ATM

BENTONG, 3 MAC 2019

Penolong Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Pahang, Kapt Aliff Nadzri bin Ridzuan turut hadir ke Mesyuarat Agung PVATM Cawangan Bentong kali ke 46 di Dewan Desa Damai, Pahang.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan daripada Mejar (B) Haji Ramli bin Saad sebagai Pengerusi Tetap PVATM Cawangan Bentong dan diteruskan oleh Haji Abd Manaf bin Mohamed selaku Ketua Cawangan PVATM Cawangan Bentong. Mesyuarat turut dihadiri oleh YDP PVATM Cawangan Negeri Pahang, Kapt (B) Abdul Latif bin Mohd Noor.





MESYUARAT AGUNG

KUALA LIPIS, 16 MAC 2019

Majlis Perasmian Mesyuarat Agong PVTLDM Negeri Pahang ini telah dilaksanakan oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdi bin Wan Ismail. Beliau diiringi oleh Ahli Parlimen Kuala Lipis, YB Dato' Abu Bakar bin Mohamad. Turut hadir sama ke Majlis Perasmian Mesyuarat Agong ini adalah Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Abu Bakar bin Mohd Ajis.

Di dalam majlis ini juga turut diselitkan dengan acara penyerahan sumbangan oleh YAB Menteri Besar Pahang untuk:

a. Kecemerlangan Akademik anak ahli persatuan.
b. Sumbangan persatuan kepada ahli yang mengalami sakit kronik dan dalam rawatan.
c. Penyerahan cenderahati kepada jemputan VIP.
d. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengah hari di Cafe de Aroma, Hotel Centre Point.





PERIM

MENTAKAB, 28 APRIL 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Pahang, Lt Kol Kamruzaman bin Mat Sham TUDM telah menghadiri jemputan ke program Promosi ATM khas untuk masyarakat kaum India anjuran Persatuan PERIM Negeri Pahang di bawah tajaan 'Malaysia Indian Transformasi Unit (MITRA)' dan ATM. Majlis yang telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Mohammed Ismail bin Mohd Ibrahim, Ahli Kehormat PERIM Negeri Pahang, juga merupakan Timbalan Pengerusi Persatuan Olahraga Negeri Pahang. Majlis telah diadakan di Dewan SMK Seri Semantan.





PERALATAN PESAKIT

PAHANG, 12 MAC 2019

Lawatan Kebajikan, Siasatan Bantuan Sara Hidup dan Penyerahan Peralatan Pesakit kepada veteran di sekitar kawasan Pekan dan Kuantan oleh Penolong Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Pahang, Kapt Aliff Nadzri bin Ridzuan.





LAWATAN PENGARAH PAHANG

KUANTAN, 19 JUN 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Pahang, Lt Kol Kamruzaman bin Mat Sham TUDM bersama Pengurus PERHEBAT Cawangan Negeri Pahang, Lt Ahmad Khairul Ariffin bin Sukiman TLDM (Bersara) telah berkunjung ke Kolej Pahang Skills Development Centre di Semambu, Pahang.

Rombongan lawatan telah disambut oleh Pegawai Eksekutif Kolej Pahang Skills, En Suris bin Mihat bersama staf kolej.



JHEV
KELANTAN & TERENGGANU

TEMUBUAL RADIO KELANTAN FM

KELANTAN, 3 APRIL 2019

Sesi Live di Konti Kelantan FM oleh Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri kelantan/Terengganu, Mej Muhd Aman Shah bin Alias. Sesi live ini menceritakan berkenaan Tugas dan Peranan JHEV ATM dan Bantuan Harapan Negara (BHN) 2019.





SESI DIALOG BERSAMA PERSATUAN

SELASA, 23 JULAI 2019

JHEV ATM Cawangan Kelantan dan Terengganu telah mengadakan Sesi Dialog Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kelantan dan Terengganu bersama Persatuan Veteran Negeri Kelantan di Pejabat MKN Negeri. Sesi Dialog ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada Persatuan tentang peranan dan tanggungjawab JHEV ATM dengan lebih terperinci.

Cawangan juga turut menerangkan tentang tatacara pengisian Borang Skim Kebajikan bagi semua skim. Dengan adanya penerangan ini, Persatuan akan lebih memahami kehendak dan tatacara pengisian borang tersebut.







PERALATAN PESAKIT

KOTA BHARU, 18 JUN 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri kelantan/ Terengganu, Mej Muhd Aman Shah bin Alias melakukan lawatan kebajikan dan penyampaian peralatan pesakit berupa katil hospital dan tilam angin terhadap Veteran dan balu di Ketereh dan Bachok.





BENCANA ALAM

BACHOK, 31 JULAI 19

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kelantan/ Terengganu, Mej Syed Mohd Ifandi bin Syed Jaafar dan Wakil PVATM Cawangan Bachok telah melawat 20 orang veteran atas dasar Siasatan Bantuan Sara Hidup (BSH), Lawatan Siasatan Bencana Alam dan Lawatan Kebajikan serta melibatkan kawasan sekitar Bachok dan Panji, Kelantan.









KUNJUNGAN VETERAN

KOTA BHARU, 9 JULAI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kelantan/Terengganu, Mej Syed Mohd Ifandi bin Syed Jaafar menerima kunjungan hormat daripada PVTUDM Cawangan Negeri Kelantan dan Terengganu.





JHEV JOHOR

LAWATAN KEBAJIKAN

JOHOR, 17 JUN 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Johor, Mej Hairi bin Muhamad Radzi melaksanakan Lawatan Siasatan Permohonan Bantuan Sara Hidup ke atas veteran dan balu di sekitar Tangkak. Lawatan turut disertai oleh Ketua dan Ahli Jawatankuasa PVATM Cawangan Tangkak.





PERALATAN PESAKIT

MERSING, 30 APRIL 2019

Penolong Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Johor, Kapt Muhammad Fazdli Bin Jafri melakukan kebajikan dan penyerahan katil pesakit di sekitar Mersing dan turut diiringi oleh AJK PVATM Mersing.

Penyerahan katil pesakit dan Commode Chair kepada En Mad Razi bin Osman yang terlantar akibat kanser otak di kediaman beliau beralamat Blok Kenanga, Kompleks Perumahan Polis Mersing. Beliau telah dibenarkan keluar hospital setelah menerima katil pesakit bagi memastikan keadaan pesakit terjaga.

PVATM Mersing turut memberikan sumbangan lampin pakai buang kepada En. Mad Razi bin Osman dan En. Sulaiman bin Shupi yang turut terlantar sakit.






LAWATAN KEBAJIKAN

PONTIAN, 27 JUN 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Johor, Mej Hairi bin Muhamad Radzi bersama YDP PVATM Negeri Johor Tuan Hj Ibrahim bin Hj Yahya dan Ketua Cawangan PVATM Pontian melaksanakan lawatan kebajikan ke atas dua veteran ATM iaitu En Mohd Jamil bin Tik yang beralamat di Kg Melayu, Bkt Panjang, Pekan Nanas, Pontian yang mengidap penyakit saraf dan terpaksa menggunakan kerusi roda yang didapati telah mengalami kerosakan. Lawatan kedua ke atas Encik Jawahir bin Kamsin yang beralamat di Kg Parit Basilam, Kayu Ara Pasang, Pontian yang lumpuh dan terlantar dan memerlukan bantuan katil pesakit. Pihak JHEV ATM akan memberi bantuan yang diperlukan dengan kadar yang segera untuk meringankan beban veteran ATM ini.




JHEV
SABAH







LAWATAN KEBAJIKAN

SABAH, 24 JAN 2019

Lawatan Siasatan Bantuan Sara Hidup oleh Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sabah, Mej Mohd Kamarul Helmi Bin Mohamad di sekitar Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang dan Kinarut.



PERALATAN PESAKIT

KENINGAU, 28 MAC 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sabah, Mej Mohd KamarulHelmi Bin Mohamad mewakili KP JHEV ATM menyerahkan peralatan pesakit berupa kerusi roda kepada veteran ATM Encik Leong Fung Fun (925341) yang kini tinggal seorang diri di rumah beliau di Kampung Patikang Ulu, Keningau, Sabah.



PERALATAN PESAKIT

PENAMPANG, 5 JUL 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sabah, Mej Mohd KamarulHelmi bin Mohamad Esa menyerahkan bantuan peralatan pesakit iaitu kerusi roda, Walking Frame, Mobile Shower dan Ripple Mattress kepada veteran Encik Lazarus Nicholas di alamat Kg Nosoob Baru, Penampang, Sabah.

Beliau menghidap penyakit Strok Separuh Badan. Semoga dengan bantuan peralatan pesakit yang diterima dapat meringankan beban veteran.



LAWATAN KEBAJIKAN

ISNIN, 29 JULAI 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sabah, Mej Mohd KamarulHelmi Bin Mohamad telah membuat lawatan siasatan Bantuan Sara Hidup melibatkan kawasan sekitar Kota Kinabalu, Inanam dan Penampang.

Antara Veteran yang terlibat adalah seperti berikut;

1. 502435 Syed Azahar bin Syed Mansor di Taman Telipok Ria.

2. 925442 Boki bin Pangoh di Kampung Kionsom Inanam.

3. 925173 Ku Kian Fah di Lorong Pokok Seraya, Kota Kinabalu.

JHEV SARAWAK

MESYUARAT PERSATUAN

SARAWAK, 6 JAN 2019

Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sarawak, Lt Kol Dunging Anak Serit telah merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Persatuan Veteran Kor Armor Sarawak.









PROGRAM DIALOG

SIBU, 4 APRIL 2019

Satu sesi Program Dialog telah diadakan bertempat di Warong Rakyat Igan di mana pemilik warong adalah veteran ATM Encik Suhaili bin Sulaiman dan telah dianjurkan oleh PVTMS.

Program ini telah dihadiri oleh Sjn Iswandy bin Saadi, Penyelaras JHEV ATM Cawangan Negeri Sarawak Bahagian Sibu. Antara intipati program adalah memberi penerangan berkenaan dengan fungsi peranan dan bantuan yang disediakan oleh JHEV ATM .





MAKAM PAHLAWAN

KUCHING, 15 APRIL 2019

Penolong Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sarawak, Kapt Farizal bin Hassim hadi ke Program Memperingati Pahlawan Negara Sempena Lawatan Australian Anzac Veteran Dan Exchange Student di Makan Pahlawan.

Program telah diadakan bagi memperingati pahalawan yang telah gugur mempertahankan tanah air demi memperoleh kemerdekaan. Turut Hadir YB Datuk Lee Kim Shin, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Kebudayaan Sarawak,Lt Jen Datuk Stephen Mundaw serta veteran ATM dan Veteran Polis.









LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH JHEV ATM

KUCHING, 20 JUN 2019



Muhammad Ridzuan bin Zawawi, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM melakukan lawatan kerja rasmi bertemu dengan veteran dan turut terlibat dalam beberapa program atau majlis yang dianjurkan seperti penyerahan peralatan pesakit berupa katil dan tilam kepada veteran, simbolik penyerahan rumah bantuan, penyerahan bantuan kepada veteran kurang upaya (VKU) di kawasan Sibu dan sesi dialog bersama dengan veteran serta hadir ke Majlis Perayaan Hari Gawai.

LAWATAN KEBAJIKAN

SRI AMAN, 3 OGOS 2019

Pengarah JHEV ATM Negeri Sarawak, Mej Pahot Joll dan Sjn Empati anak Bawan, Sjn Tadbir JHEV ATM Cawangan Negeri Sarawak, bahagian Miri telah melaksanakan lawatan siasatan terhadap permohonan Bantuan Sara Hidup di kawasan Sri Aman dan Miri, Sarawak









SUMBANGAN PERAYAAN
PUSAT DIALISIS

SELANGOR, 30 MEI 2019

Majlis penyampaian sumbangan perayaan kepada pesakit Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM sempena sambutan Aidilfitri 2019. Penyampaian telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali di Pusat Dialisis Bukit Sentosa, manakala majlis di Pusat Dialisis Batu Caves disampaikan oleh Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato' Dzulkarnain bin Ahmad merangkap Pengarah Eksekutif Syarikat Perubatan D' VET Sdn. Bhd. dan diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM, Muhammad Ridzuan bin Zawawi di Pusat Dialisis Seri Kembangan.



30 MEI | PUSAT DIALISIS BATU CAVES









30 MEI | PUSAT DIALISIS SERI KEMBANGAN











31 MEI | PUSAT DIALISIS BUKIT SENTOSA









KOPERASI TENTERA

Mohon Sekarang !!!

PEMBIAYAAN YURAN KOPERASI TENTERA

90% *Dari Yuran Terkumpul*

Dari RM500 sehingga RM100,000 atau 90% dari yuran terkumpul, mana yang lebih rendah.

6 - 120 Bulan Tempoh Pembiayaan

3 Hari Lulus Dalam Bekerja

Syarat :

- Yuran kumulatif yang terkumpul digunakan sebagai cagaran (Konsep Ar-Rahnu).
- Pemohon telah membayar yuran bulanan untuk tempoh yang minimum iaitu 6 bulan bagi anggota baharu atau 12 bulan bagi kemasukan semula. Keanggotaan telah disahkan dalam tempoh yang sama.

**Tertakluk kepada terma & syarat*

KUNJUNGI CAWANGAN KT BERHAMPIRAN ANDA ATAU
HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT

1-300-8000-58

www.katmb.com.my